

# Tun Mahathir sampai ceramah di UMS 1 Mei

DE 26-04-2012 2

**Larry Ralon**

**KOTA KINABALU:** Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mahamad akan menyampaikan ceramah bertajuk "Sabah Dalam Sosio Politik Malaysia" di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Hari Buruh (1 Mei).

Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof. Madya Haji Inon Shahrudin Abdul Rahman, yang mengumumkan demikian berkata, ceramah Dr Mahathir itu merupakan sebahagian daripada Siri Syarahan Kinabalu yang dihoskan sekolah tersebut.

Ceramah akan disampaikan di Dewan Canselor pukul 3 petang dan semua dialu-alukan, katanya ketika merasmikan seminar mengenai Perlembagaan Malaysia dan Sabah anjuran Program Sosiologi dan Anthropologi Sosial sekolah itu, Kerusi Kadazandusun dan Unit Penyelidikan Untuk Ethnografi dan Pembangunan pada Rabu.

Seminar itu adalah sebahagian daripada siri enam program yang sedang berlangsung yang menyentuh pelbagai topik kepentingan khusus.

"Seminar hari ini amat relevan ketika Malaysia menghampiri ulang tahun ke-50 kemerdekaannya. Dua generasi telah berlalu sejak Malaysia dibentuk oleh negeri-negeri bersekutu Malaya, Singapura (yang kemudian keluar daripada Persekutuan itu) dan negara-negara yang memerintah sendiri iaitu Sabah (Borneo Utara) dan Sarawak pada 16 September, 1963," kata Inon.

Ramai generasi muda kita tidak tahu mengenai peranan penting yang dimainkan oleh Sabah dalam pembentukan Malaysia, dan tidak tahu akan hak-hak unik perlembagaan Sabah dan Sarawak dalam negara kita, tambahnya.

Sebagai tambahan, katanya, ramai orang tidak tahu apa sebenarnya yang dinyatakan oleh Perlembagaan Malaysia.

"Mereka tidak tahu akan hak mereka sebagai warga Malaysia mengikut

Perlembagaan dan ada yang malah tidak tahu yang Malaysia mempunyai Perlembagaan untuk memastikan hak wargenagara. Ada juga yang tidak faham tentang perbezaan penting antara demokrasi berparlimen seperti Malaysia, dan demokrasi republikan seperti yang diadakan negara-negara jiran," katanya.

Dalam kita memasuki abad ke-21, katanya, adalah penting untuk ingat bagaimana negara ini ditubuhkan dan untuk mengiktiraf kedudukan yang Sabah, sebelum ini dikenali sebagai Borneo Utara, ada dalam Malaysia.

"Tanpa Sabah, tidak akan ada Malaysia seperti yang kita ketahui hari ini. Kita harus berpegang kepada warisan kita, sejarah untuk kita dan juga hak perlembagaan kita, dan perturunkan kepada generasi akan datang," katanya.

Antara penceramah jemputan ialah Tan Sri Herman Luping yang akan menyampaikan ceramah mengenai "Sabah dan Pembentukan Malaysia"; Pengerusi Jawatankuasa Kecil Isu-Isu Perlembagaan dan Pentadbiran Persatuan Undang-Undang Sabah (SJA) S. Vanugopal yang akan menyentuh tentang "Pembentukan Malaysia-Hak Perlembagaan Sabah dan Sarawak"; Presiden SLA G.B.B. Nandy @ Gaanesh mengenai "Kebebasan Asas - Hak Orang Yang Ditangkap"; Pengerusi Jawatankuasa Kerja MyConstitution Jawatankuasa Kecil Isu-Isu Peraturan Perlembagaan dan Pentadbiran SLA Mohd Syarulnizam Mohd Salleh mengenai MyConstitution - Kempen Pendidikan Undang-Undang Awam.

Pengerusi penganjur seminar itu Prof. Madya Dr Kntayya Mariappan, Pemegang Kerusi Kadazandusun Prof. Madya Dr Jacqueline Pugh-Kitingan, ketua Unit Ethnografi dan Pembangunan, Prof. Madya Dr Rosazman Hussin, danketua Program Sosiologi dan Sosial Anthropologi Dr Dayang Suria Haji Mulia, juga turut hadir.